

TREND KERJA KERAJAAN SUDAH LAPUK, FOKUSKAN SEKTOR TEKNIKAL

09 March 2016

- The Borneo Post Online

MIRI: Lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tidak harus berharap bekerja dengan sektor perkhidmatan awam (kerajaan) sebaliknya dinasihatinya supaya menumpukan kepada pekerjaan dalam sektor teknikal.

Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional Sarawak Wan Zain Syed Mohdzar berkata trend makan gaji dengan kerajaan sudah lapuk sebaliknya beralih kepada pasaran kerja luas dalam sektor teknikal.

“Ramai beranggapan apabila mereka lulus cemerlang dalam peperiksaan awam, peluang bekerja dengan kerajaan cerah.

“Pemikiran seperti ini wajar diubah,” katanya kepada Utusan Borneo semalam.

Wan Zain menasihati pelajar cemerlang atau sebaliknya mencari jurusan pekerjaan ke arah teknikal seiring dengan trend Malaysia yang menuju ke arah negara maju.

“Pasaran pekerjaan dalam bidang teknikal sangat luas terutama dalam Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak dan jangan pula mereka membantaskan pemikiran untuk bekerja makan gaji semata-mata,” jelasnya.

Beliau berkata rata-rata mereka yang memiliki ilmu dan kepakaran dalam bidang teknikal berpeluang membuka perniagaan sendiri seperti membuka bengkel, kedai kek dan sebagainya.

“Sebab itu saya tegaskan bahawa lulus atau gagal dalam peperiksaan awam bukan penentu kepada kejayaan hidup sebaliknya ia bergantung kepada usaha mereka untuk melakar kejayaan kelak,” jelasnya.

Beliau menambah, lulusan sekolah mesti berani berkorban dan mengambil risiko dan sekiranya keadaan memerlukan mereka berhijrah meninggalkan keluarga, maka ia perlu dilakukan jika ingin berjaya.

“Saya menggesa ibu bapa agar bersama-sama merancang masa depan anak-anak mereka berdasarkan pasaran kerja terkini dan jika keadaan memerlukan anak-anak mereka berhijrah, maka mereka harus merestuinnya,” katanya.

Berdasarkan kajian dilakukan oleh Universiti Malaysia Sarawak, dianggarkan sebanyak 260,000 pekerjaan baharu bagi 10 sektor utama dan 660,000 pekerjaan baharu bagi keperluan projek SCORE akan wujud sehingga 2030.

“Jika kita memiliki pekerja mahir dan separa mahir, maka kita dapat mengurangi kebergantungan terhadap pekerja asing terutama dalam sektor pekerjaan 3D (bahaya, kotor dan sukar),” jelasnya.

Sehubungan itu kata Wan Zain, lepasan sekolah perlu mengikuti atau menyambung pelajaran dalam bidang teknikal yang ditawarkan oleh institusi latihan atau universiti tempatan.